



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 233

AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG (SALINAN FOTOGRAF) 1950

Sebagaimana pada 1 Disember 2012

**AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG
(SALINAN FOTOGRAF) 1950**

Pertama kali dibuat 1950 (Ordinan No. 18
tahun 1950)

Disemak 1980 (Akta 233 m.b.k.
15 Julai 1980)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 233****AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG
(SALINAN FOTOGRAF) 1950**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pelan yang dikeluarkan secara fotografi, dan salinan pelan tanah adalah mematuhi secukupnya undang-undang yang menghendaki pelan dan salinan pelan dilukis.
4. Pelan dan salinan fotograf boleh diterima dalam keterangan.
5. Kuasa Menteri meminda Jadual.

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 233

AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG (SALINAN FOTOGRAF) 1950

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kesahan pelan yang dikeluarkan secara fotografi dan salinan pelan dan dokumen.

[23 Mei 1950]

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelan dan Dokumen Tanah dan Lombong (Salinan Fotograf) 1950.
(2) Akta ini terpakai di *Semenanjung Malaysia sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“dokumen” ertinya —

- (a) dokumen hak milik berdaftar, dokumen hak milik keluaran atau pajakan, sebagaimana ditakrifkan dalam setiap hal dalam Kanun Tanah Negara [*Akta No. 56 tahun 1965*];

*CATATAN—Pemakaian ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui pengubahsuaian — lihat P.U.(A) 457/2009 yang bermula pada 1 Januari 2010.

- (b) apa-apa lesen, permit, notis, perjanjian atau dokumen lain berkaitan dengan tanah yang diberi, dikeluarkan atau dimasuki oleh atau bagi pihak Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi sesuatu Negeri; atau
- (c) pajakan atau pajakan kecil lombong, pajakan sementara lombong atau perakuan melombong diberi atau dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ditentukan dalam Jadual;

“Semenanjung Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], dan meliputi Wilayah Persekutuan.

Pelan yang dikeluarkan secara fotografi, dan salinan pelan tanah adalah mematuhi secukupnya undang-undang yang menghendaki pelan dan salinan pelan dilukis

3. Jika, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang ditentukan dalam Jadual, pelan atau salinan pelan mana-mana tanah dikehendaki dilukis, terkandung di dalam atau dilampirkan kepada apa-apa dokumen, atau apa-apa salinan sesuatu dokumen dikehendaki dibuat atau diserahkan kepada seseorang, adalah mencukupi bagi maksud-maksud sesuatu undang-undang bertulis itu bagi melampirkan kepada dokumen tersebut pelan yang dikeluarkan secara fotografi atau salinan pelan tanah tersebut atau membuat atau menyerahkan satu salinan dokumen tersebut yang dikeluarkan secara fotografi, mengikut mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) pelan atau salinan mana-mana pelan atau dokumen yang dikeluarkan secara fotografi dibuat oleh Ketua Pengarah Ukur atau oleh seorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis olehnya untuk melakukannya; dan

- (b) pelan atau salinan tersebut diakui oleh Ketua Pengarah Ukur atau orang yang membuatnya sebagai pelan yang benar dan betul terhadap tanah sedemikian atau sebagai salinan daripada pelan asal atau dokumen asal yang benar dan tepat, mengikut mana yang berkenaan.

Pelan dan salinan fotograf boleh diterima dalam keterangan

4. Tiap-tiap pelan yang dikeluarkan secara fotografi mengenai mana-mana tanah atau salinan pelan atau dokumen yang dibuat dengan sewajarnya dan diakui menurut peruntukan seksyen 3 dan dilampirkan kepada mana-mana dokumen atau diserahkan kepada mana-mana orang sebagaimana yang dikehendaki oleh, dan bagi maksud, mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan tanah atau lombong di Semenanjung Malaysia adalah boleh diterima dalam keterangan tanpa pembuktian selanjutnya di semua mahkamah di Semenanjung Malaysia.

Kuasa Menteri meminda Jadual

5. Menteri yang bertanggungjawab terhadap tanah boleh dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda atau menambah Jadual.

JADUAL
[Seksyen 3]

N.M.B. Bab 147	Enakmen Lombong
Enakmen Johor No. 69	Enakmen Lombong
Enakmen Kedah No. 67		Enakmen No. 67 (Lombong)
Enakmen Kelantan No. 10 tahun 1939				Enakmen Lombong 1939
Enakmen Trengganu No. 51 tahun 1356				Enakmen Lombong
Enakmen Perlis No. 1 tahun 1340				Enakmen Lombong 1340
Ordinan M.U. No. 8 tahun 1948				Ordinan Keretapi 1948

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 233

AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG (SALINAN FOTOGRAF) 1950

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Pengistiharan) 1958	13-11-1958
L.N. 447/1965	Perintah Kanun Tanah Negara (Pemansuhan dan Pindaan) 1965	23-12-1965
P.U. 297/1996	Perintah Kanun Tanah Negara (Pemansuhan dan Pindaan) 1966	04-08-1966
P.U. (B) 324/1970	Nama Jawatan–Pemberitahuan	01-01-1971
P.U. (A) 457/2009	Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pelan dan Dokumen Tanah dan Lombong (Salinan Fotograf)) 2009	01-01-2010

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 233****AKTA PELAN DAN DOKUMEN TANAH DAN LOMBONG
(SALINAN FOTOGRAF) 1950**

SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	L.N. 477/1965 P.U. 297/1966	23-12-1965 01-01-1966
3	P.U. (B) 324/1970	01-01-1971
5	L.N. 332/1958	13-11-1958
Jadual	L.N. 477/1965	23-12-1965
Keseluruhan Akta	P.U. (B) 324/1970	01-01-1970
